

TARIKH	30 / 04 / 2014	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	48	RUANGAN	

Penemuan oleh saintis AS dan China bawa harapan penyakit maut boleh diubati

## Saintis temui antibodi MERS-CoV

LONDON – Saintis-saintis menemui antibodi semula jadi manusia terhadap Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS-CoV) sekali gus meningkatkan harapan bahawa penyakit maut itu boleh dirawat.

Mirip kepada Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), MERS-CoV pertama kali dikesan pada tahun 2012 sebelum mencetuskan wabak di Asia Barat diikuti jangkitan rambang di seluruh dunia.

Masyarakat antarabangsa pula bimbang akan penularan MERS-CoV berikutan peningkatan mendadak bilangan jangkitan dan kematian akibat virus tersebut.

Setakat hujung minggu lalu di Arab Saudi, pihak berkuasa telah merekodkan 26 kes baharu MERS-CoV manakala 10 kematian turut dicatatkan.

Perkembangan itu menjadikan angka jangkitan MERS-CoV di negara itu sahaja telah meningkat kepada 339 orang dan menyebab-



SEORANG lelaki Asia memakai topeng mulut dan hidung di bandar Jeddah, Arab Saudi kelmarin.

kan 102 kematian.

Sehingga kini, tiada ubat atau vaksin bagi mengubati MERS-CoV yang menyebabkan simptom-simp-

tom seperti batuk, demam, sesak nafas seterusnya membawa kepada pneumonia dan kegagalan ginjal.

Namun, beberapa kajian yang

disiarkan dalam dua jurnal saintifik utama kelmarin menyatakan saintis dari Amerika Syarikat (AS), China dan Hong Kong telah menemui antibodi yang dapat menghalang virus itu daripada menjangkiti sel-sel badan manusia.

Dalam satu kajian berkenaan, sepasukan penyelidik China menemui dua antibodi dinamakan MERS-4 dan MERS-27 yang dapat menghalang sel daripada dijangkiti virus MERS-CoV.

Kajian dalam makmal itu disiarkan dalam jurnal *Science Translational Medicine*.

"Walaupun masih di peringkat awal, kajian ini menunjukkan antibodi tersebut boleh digunakan untuk menghalang penularan MERS-CoV," kata saintis-saintis tersebut.

Kajian kedua yang disiarkan dalam jurnal *Proceedings of the National Academy of Sciences* (PNAS) pula melibatkan penemuan tujuh

antibodi oleh sepasukan penyelidik dari Amerika Syarikat (AS).

Antibodi-antibodi itu berpotensi untuk menghasilkan rawatan dan vaksin MERS-CoV untuk tempoh jangka panjang.

Dalam pada itu, sebahagian besar kes MERS-CoV setakat ini telah direkodkan di Arab Saudi dan beberapa negara Asia Barat lain.

Namun, penemuan kes jangkitan rambang MERS-CoV di Britain, Greece, Perancis, Itali, Malaysia dan beberapa lagi negara mencetuskan kebimbangan risiko berlakunya wabak global.

Pakar-pakar bimbang MERS-CoV akan tersebar melalui pengangkutan udara melibatkan penumpang yang dijangkiti virus berkenaan.

Sebelum ini, virus SARS yang muncul di China telah meragut 800 nyawa dan menjangkiti lebih 8,000 orang dalam wabak yang berlaku pada tahun 2002 hingga 2003. – Reuters